

Kastam rampas hampir 1.9 juta rokok seludup

Selangor: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas hampir 1.9 juta batang rokok pelbagai jenama dan 377 kilogram (kg) tembakau dianggar bernilai lebih RM1.3 juta termasuk duti dan cukai di bangunan usang di Cheras, Kuala Lumpur, 22 Mei lalu.

Pengarah JKDM Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Zulkifli Muhammad, berkata sindiket penyeludupan dikesan menggunakan bangunan usang dan terbiar yang tidak mencurigakan itu sebagai stor penyimpanan rokok seludup.

“Bangunan terbiar tanpa pintu dan tingkap itu dijadikan lokasi penyimpanan rokok putih seludup bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

“Kalau tengok (bangunan itu), orang pun tidak akan kisah kerana keadaannya memang tidak mencurigakan,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Zulkifli berkata, pemilik premis berkenaan sedang dikesan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Beliau berkata, pihaknya juga berjaya menggagalkan cubaan



Zulkifli menunjukkan barangan rampasan pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

rokok elektronik bernikotin melalui satu dagangan di premis pengendali terminal kargo udara dalam Zon Perdagangan Bebas KLIA pada 28 April lalu.

Katanya, sindiket terbabit cuba mengaburi pihak berkuasa dengan mengisytiharkan produk

ai buang yang tidak memerlukan lesen import daripada Kementerian Kesihatan.

“Nikotin diklasifikasikan sebagai barang larangan di bawah Butiran 4, Jadual II, Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan han-

sah daripada KKM.

“Jumlah rampasan dianggar kan bernilai RM334,000, dengan jumlah duti dan cukai terbabit sebanyak RM60,680,” katanya sambil menambah kes disiasat di bawah Peraturan 30(1), Peraturan-Peraturan Zon Bebas